

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ALI ANAK BIJU  
KAWASAN : SARATOK  
TARIKH : 14 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB TUAN ALI ANAK BIJU** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan Pihak GPS sering membangkitkan isu tentang pembatalan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap projek Jambatan Igan, Jambatan Batang Lupar dan Jambatan Rambungan. Apakah status sebenar pemohonan dan pelaksanaan jambatan-jambatan tersebut.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan Jambatan Batang Lumar, Jambatan Igan dan Jambatan Rambungan di Sarawak berada di laluan Jalan Persisir Pantai Sarawak, iaitu berstatus Jalan Negeri.

Di bawah pentadbiran Kerajaan terdahulu, cadangan ketiga-tiga jambatan itu telah diluluskan di bawah RMKe-11 dengan kos masing-masing RM500 juta untuk Jambatan Batang Lumar (perkongsian kos 50:50 dengan Kerajaan Negeri); RM305 juta untuk Jambatan Igan, dan RM100 juta untuk projek membina Jambatan Rambungan.

Walau bagaimanapun, kelulusan pelaksanaan projek-projek berkenaan terpaksa disemak semula oleh Kerajaan semasa. Ini merujuk kepada keputusan Kerajaan yang membatalkan ketiga-tiga projek berkenaan di mana ia berasaskan fakta bahawa projek-projek itu terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Dengan erti kata lain, ketiga-tiga jambatan tersebut bukanlah berstatus Jalan Persekutuan yang berada di bawah bidang kuasa langsung Menteri Kerja Raya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum bahawa ketiga-tiga projek jambatan tersebut akan diteruskan pelaksanaannya oleh Kerajaan Negeri Sarawak dengan menggunakan peruntukan negeri. Sehubungan itu Kementerian Kerja Raya amat mengalu-alukan hasrat oleh Kerajaan Negeri itu demi kesejahteraan rakyat secara amnya.

Sekian, terima kasih.